

TARIKH	1 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	15	RUANGAN	OLIM NEGERI

Operasi haji berakhir dengan lancar

SEPANG 30 Nov. – Kumpulan terakhir jemaah haji Malaysia seramai 351 orang termasuk 30 petugas Lembaga Tabung Haji tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur semalam menerusi pesawat MH821.

Mereka yang tiba pada pukul 2 petang disambut Pengerusi Lembaga Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee Ismail.

Abi Musa Asa'ari berkata, kepulangan kumpulan terakhir itu menandakan tamatnya operasi haji tahun ini yang secara keseluruhannya berjalan lancar.

"Bagaimanapun tujuh jemaah masih dirawat di hospital di Mekah dan Madinah akibat pelbagai masalah kesihatan dan hanya akan dibawa pulang setelah dibenarkan pihak hospital," katanya

kepada pemberita selepas menyambut kepulangan para jemaah di sini hari ini.

Menurutnya pada musim haji kali ini seramai 54 jemaah meninggal dunia di Tanah Suci berbanding lebih 70 orang tahun lepas.

Pengarah Operasi Perubatan Madinah Dr. Wan Mansor Hamzah berkata, kesihatan para jemaah tahun ini adalah lebih baik berbanding sebelum ini berkemungkinan kerana cuaca yang tidak jauh berbeza seperti di Malaysia serta keprihatinan jemaah terhadap kesihatan diri masing-masing.

Sementara itu, Ismee berkata, masih terlalu awal untuk Tabung Haji mengumumkan sama ada berlaku kenaikan kos menunaikan haji pada masa akan datang berikutan pembesaran Masjidil Haram.

"Jika ada kesan mungkin pada

kos penginapan jemaah. Jadi, kita akan kaji setakat mana bayaran yang akan dikenakan kepada jemaah dan setakat mana kita mampu menanggung subsidi itu.

"Ketika ini kos menunaikan haji untuk jemaah muassasah hanya RM9,980, sedangkan kos sebenar RM15,510. Bermakna Tabung Haji

menanggung subsidi sebanyak RM5,170 untuk setiap jemaah kali pertama," katanya.

Dalam pada itu, seorang jemaah haji, Muhamad Azim Ayub yang ditemui merasa bertuah kerana dapat menunaikan haji pada usia lapan tahun bersama ibu bapanya.

"Cabaran yang agak sukar apabila nak melontar kerana terpaksa berjalan jauh.

"Mujurlah dengan bantuan ibu bapa dan jemaah lain, saya dapat melaksanakannya," katanya yang juga murid Sekolah Kebangsaan Taman Melawati 1. - BERNAMA



ISMEE ISMAIL